

# Pegawai utama UMS jayakan Golf Muhibah UMSKAL

UB 18.11.2013 A14

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj menyertai pertandingan golf muhibah sempena sambutan Pesta Konvokesyen UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013.

Turut menyertai pertandingan itu ialah Pendaftar UMS, Datuk

Abdullah Mohd Said dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Pertandingan yang julung kalinya diadakan itu bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai utama UMS dengan pegawai kanan UMSKAL.

Ismail berkata pertandingan itu dianjurkan Kelab Golf UMSKAL dan Pejabat Bahagian Pembangunan

dan Penyelenggaraan (BPP) sebagai Sekretariat Jawatankuasa Golf Muhibah 2013.

Pertandingan yang diadakan di Labuan International Golf Club (LIGC), Kiamsam pada Ahad itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu VIP dan Senior.

Turut menyertai pertandingan yang bermula jam 7 pagi itu ialah Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal,

Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Ketua Bahagian BPP, Md Azrie Ag Tanjong.

Lebih menarik, padang golf 18 lubang itu berlatarbelakangkan pemandangan indah pantai dan laut serta bangunan menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan yang menjadi mercu tanda sektor pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.



**SHARIFF** (tiga kiri), **Abdullah** (dua kiri) dan **Ismail** (tiga kanan) bersama pegawai UMSKAL yang menyertai Pertandingan Golf Muhibah UMSKAL 2013 di Kelab Golf Antarabangsa Labuan, Kiamsam.